

PASUKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA MENYERTAI HARI SUKAN MENARA PERSEKUTUAN NEGERI MELAKA

10 November 2022, MELAKA - Hari Sukan Menara Persekutuan Negeri Melaka telah berlangsung selama dua hari daripada 8 hingga 9 November 2022 bertempat di Menara Persekutuan, Ayer Keroh, Melaka. Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bersama-sama agensi kerajaan yang lain telah mengambil bahagian dalam sukan indoor dan outdoor seperti permainan ping-pong, batu seremban, congkak, dart, dam haji, bola jaring dan bola tampar.

Program sukan yang dianjurkan seumpama ini dapat mengeratkan silaturahim sesama warga Menara Persekutuan Melaka dimana terdapat pejabat pelbagai Jabatan dan agensi kerajaan. Selain itu sukan dapat melahirkan kakitangan awam yang cergas dan aktif kerana badan yang sihat akan melahirkan pemikiran yang cerdas.

#JabatanAlamSekitar

#JasMelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama

#KementerianAlamSekitarDanAir